



**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA**

---

**Khamis, 26 Mac 2020  
Untuk Siaran Segera**

**KENYATAAN MEDIA  
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**

**TAJUK : LANGKAH-LANGKAH BAGI MEMASTIKAN  
PEMBEKALAN BARANGAN KEPERLUAN KEPADA  
RAKYAT TIDAK TERPUTUS SEPANJANG TEMPOH  
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

---

**1. PELEPASAN BARANGAN DI PELABUHAN**

Kerajaan komited dalam menangani penularan pandemic Covid-19 dengan menghadkan pergerakan dan memastikan rakyat Malaysia tidak berkumpul secara ramai. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) merupakan satu keperluan yang bertujuan memutuskan rantai jangkitan kepada masyarakat seterusnya memulihkan keadaan sepenuhnya seperti sediakala.

Kerajaan amat prihatin kepada rakyat dan ingin memastikan segala keperluan asas rakyat Malaysia tidak terbantut ketika mengharungi waktu sukar ini. Pembekalan barangan keperluan ke pasar raya dan kedai-kedai runcit tidak boleh terputus.

Pada ketika ini, ruang kapasiti di Pelabuhan Klang, Pelabuhan Pulau Pinang dan Pelabuhan Johor di Pasir Gudang telah mencecah hampir 100% berikutan pemberhentian pemindahan barangan ke gudang-gudang simpanan sebelum dihantar ke destinasi akhir. Jika tidak

ditangani segera, gudang-gudang ini akan penuh dan mencecah kapasiti maksima dalam minggu ini. Perkara ini perlu diselesaikan segera supaya tidak timbul kesesakan sepanjang tempoh PKP apabila barangan keperluan asas yang diimport mulai masuk.

Merujuk kepada keputusan Kabinet pada hari Rabu, 25 Mac dan dibangkitkan dalam Mesyuarat Khas Menteri-Menteri mengenai Pelaksanaan PKP pada 26 Mac, saya telah mengarahkan supaya pelabuhan-pelabuhan yang berkaitan diberi pengecualian khas untuk memindahkan barangan yang bukan keperluan asas (non essential) untuk dialihkan ke gudang-gudang (sementara) di luar pelabuhan agar memberi ruang supaya pemindahan barangan keperluan (essential goods) dapat dibuat serta-merta antara 27 dan 29 Mac 2020.

Sehubungan itu, tindakan susulan perlu dilakukan segera di pelabuhan-pelabuhan supaya tidak berlaku kesesakan di gudang-gudang sekitar pelabuhan tersebut. Syarikat pengangkutan yang membawa barangan dengan ini diberi kebenaran untuk kerja-kerja pemindahan selama 24 jam sehari antara Jumaat, 27 Mac 2020 dan Ahad, 29 Mac 2020.

## 2. KELULUSAN PERGERAKAN UNTUK PERKHIDMATAN LOGISTIK

Bagi membolehkan transit dan penghantaran semua barangan, termasuk barangan keperluan (essential) dan barangan bukan keperluan (non-essential goods) dalam tempoh PKP, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan membenarkan kenderaan pengangkut barangan ini bergerak di jalan raya antara hari Jumaat, 27 Mac dan hari Ahad, 29 Mac 2020.

Kenderaan-kenderaan yang membawa muatan barangan ini hendaklah mematuhi syarat-syarat sebagaimana yang telah dinyatakan dalam kenyataan media MKN bertarikh 18 Mac 2020. Sektor pengangkutan begitu penting ketika PKP dikuatkuasakan dan memainkan peranan utama bagi memastikan setiap isi rumah dapat mengakses keperluan harian mereka.

## 3. MENERUSKAN EKSPORT

Aktiviti eksport perlu diteruskan kerana ianya sangat penting bagi memastikan rantai bekalan tidak terputus dan negara yang

memerlukan barangan penting dari Malaysia juga mendapat manfaat sepenuhnya.

**DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG**  
**MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**  
**26 MAC 2020**

**- TAMAT -**